

Wakil Rakyat Ampang Jaya Didakwa Anti-Melayu?

Oleh : PEMERHATI POLITIK

ERA BARU telah menerima banyak panggilan telefon dari penduduk Melayu Ampang Jaya yang di wakili di Parlimen oleh Wakil Rakyatnya, Datuk Ong Tee Kiat dari MCA yang suatu ketika dahulu pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Lee Kin Sai (Tan Sri), menyatakan bahawa Wakil Rakyat mereka tidak begitu mengambil berat tentang masalah-masalah penduduk Melayu di kawasan tersebut tetapi lebih mementingkan bangsa beliau.

Beliau juga dikatakan tidak memberi kerjasama dan jarang hadir di perjumpaan-perjumpaan yang telah di aturkan oleh UMNO. Beliau juga di dakwa tidak sebulu dengan ADUN Ampang Jaya kini.



Datuk Ong Tee Kiat

Justeru, penduduk-penduduk Melayu di Ampang Jaya mahukan seorang wakil rakyat Melayu untuk dicalonkan pada pilihanraya umum akan datang. Sesungguhnya penduduk Melayu di Ampang Jaya sudah begitu lama 'merana' kerana wakil rakyat dari MCA tidak berlaku adil terhadap penduduk dan pengundi-pengundi dari keturunan Melayu di kawasan tersebut.

Barang di ingat pada pilihanraya umum dahulu apabila nama Ong Tee Kiat dinamakan sebagai calon bagi Ampang Jaya, banyak bantahan di hantar kepada pihak pucuk pimpinan parti kerana tidak mahu menerima percalonan Ong Tee Kiat kerana mereka dikatakan sudah maklum tentang sikap beliau terhadap orang Melayu.